

22 JUN 2003

Mahathir-PAS

PAS AKAN PUTAR BELIT UCAPAN SAYA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS akan memutar belit ucapan beliau semasa menutup Perhimpunan Agung Umno semalam bagi kepentingan politik parti pembangkang itu.

Katanya PAS tentu akan menggunakan ucapannya yang menyentuh beberapa kesalahan yang dilakukan parti itu, bagi memburukkan beliau.

"PAS memang ahli dalam putar belit. Saya kata pemimpin parti itu telah menghina Nabi, mereka pula berkata yang saya sebenarnya yang menghina Nabi," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini selepas mengakhiri lawatan peribadi dengan meninjau beberapa projek pembangunan di pulau ini.

Beliau tiba malam tadi sejurus selepas tamatnya perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur.

Dalam ucapan penutupannya semalam, yang terakhir bagi beliau selaku Presiden Umno sebelum beliau berundur Oktober ini, Dr Mahathir berkata antara lain bahawa PAS bukan parti Islam tetapi telah memperalatkan agama itu demi kepentingan politiknya.

Perdana Menteri berkata walaupun beliau sudah berulang kali menyatakan tentang kesalahan parti pembangkang itu, anggota PAS tetap menyokong parti itu kerana pendirian mereka sudah tidak boleh diubah lagi.

Katanya pemikiran penyokong PAS sudah dipengaruhi supaya hanya menerima apa sahaja yang dinyatakan oleh pemimpin mereka dan menolak kenyataan pemimpin Umno.

"Anggota PAS dah dipengaruhi, dah tak boleh nak diubah. Sebab itu apabila pemimpin mereka Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat (Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am PAS) kata tuhan mencarut, tuhan samseng, pun para pengikutnya kata kenyataan itu betul.

"Jadi kita tak boleh buat apa-apa (untuk betulkan pendirian anggota PAS)," katanya.

-- BERNAMA

MZM MAI